

06/10/2003

Jadual PM padat sebelum bersara

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai jadual yang padat sebelum mengundur diri secara rasmi pada 31 Oktober ini, tetapi beliau menyifatkannya sebagai "jadual yang sangat baik".

Perdana Menteri berkata, sejak 1 Oktober lalu beliau tidak berkesempatan untuk berehat kerana menghadiri pelbagai acara bermula dengan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) di Langkawi.

Katanya, ini diikuti dengan kehadirannya di kejuaraan Formula Satu (F1) Bot Laju Sedunia di The Mines Resort City dan show jumping KL Grand Prix International Horse Show di Stadium Putra, Bukit Jalil, semalam.

Dr Mahathir berkata, hari ini pula beliau ke Bali, Indonesia untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean dan sekembali ke sini akan mempengerusikan Sidang Kemuncak Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam (OIC) ke-10, di Putrajaya.

"Selepas OIC, saya ke mesyuarat Apec (Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Bangkok). Selepas mesyuarat Apec, saya terbang ke Papua New Guinea dan kemudian ke Timor Leste, kemudian ke Jogjakarta.... jadual yang sangat baik," katanya pada sidang media selepas menyaksikan kejuaraan Formula Satu (F1) Bot Laju Sedunia di The Mines Resort City, semalam.

Ditanya bagaimanakah perasaannya sekarang kerana akan bersara kurang 30 hari lagi, beliau secara berseloroh berkata: "Banyak kali dah cakap, pasal nak berhentilah.... boleh rehat sikitlah."

Ketika ditanya tarikh sebenar penyerahan tugas kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr Mahathir bagaimanapun menyindir dengan berkata:

"Penyerahan tugas kena baca dalam BusinessWeek kerana mereka lebih tahu bagaimana saya akan menyerahkan tugas kepada timbalan saya. Sekarang saya terpaksa ikut mereka. Jika saya tidak ikut mereka, mereka akan nampak seperti pembohong."

Mengenai pelbagai kegiatan dianjurkan oleh banyak pihak sebagai penghargaan kepadanya dan sama ada beliau suka cara sedemikian atau mahukan rakyat menumpukan kepada usaha menjadikan wawasannya satu kenyataan, Perdana Menteri berkata perkara itu terserah kepada orang ramai.

Ditanya apakah impian yang belum sempat beliau lihat dan mahunya menjadi kenyataan sebelum bersara, Dr Mahathir sekali lagi secara berseloroh berkata: "Itu kita bagi orang lain mimpi pulalah... saya nak balik tidur."

Ditanya pula mengenai cadangan penggunaan mikrocip pada cek bagi mengelakkan penyelewengan, beliau berkata kerajaan perlu melihat keberkesanannya terlebih dulu.

"Orang kita pandai tipu. Tak ada kerja lain," katanya merujuk kepada kejadian penipuan cek beberapa kerajaan negeri membabitkan berjuta-juta ringgit yang didedahkan minggu lalu.